Hj Mohd Zain bin Ghazali dan lain-lain lwn Bagan Hasrat Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN NO BA-22NCC-53–04 TAHUN 2022
ROZI BAINON PK
17 OKTOBER 2022

Prosedur Sivil — Pembatalan — Permohonan pembatalan writ dan pernyataan tuntutan — Ketiadaan locus standi — Plaintif-plaintif memfailkan tuntutan keatas defendan-defendan bagi manfaat sebuah syarikat — Syarikat tidak dimasukkan sebagai plaintif dalam tuntutan — Sama ada plaintif-plaintif mempunyai locus standi untuk memfailkan tuntutan ke atas defendan-defendan — Sama ada tuntutan plaintif-plaintif adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan, dan suatu penyalahgunaan proses mahkamah — Sama ada tuntutan plaintif-plaintif patut dibatalkan — Akta Syarikat 2016 — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19(1)(a), (1)(b), (1)(d) & A 92 k 4

Plaintif-plaintif dan defendan ketiga dalam kes ini adalah pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham dalam defendan keenam yang menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah. Defendan ketiga juga merupakan pengarah dan pemegang saham dalam defendan pertama yang mempunyai alamat yang sama dengan defendan keenam. Plaintif-plaintif telah memfailkan tuntutan ke atas defendan-defendan bagi manfaat defendan keenam dan memohon, antara lain, agar defendan ketiga mengembalikan sejumlah wang yang telah diambil oleh defendan ketiga daripada defendan keenam dan pengisytiharan bahawa perjanjian perlombongan yang dimasuki oleh defendan ketiga melalui defendan pertama sebagai terbatal dan tidak sah kerana perjanjian tersebut memudaratkan defendan keenam. Bertindakbalas ke atas tuntutan plaintif-plaintif, defendan pertama dan defendan ketiga telah memfailkan permohonan di bawah A 18 k 19(1)(a) dan/atau (b) dan/atau (d) serta A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi membatalkan writ saman terpinda dan pernyataan tuntutan terpinda plaintif-plaintif ('lampiran 13'). Alasan utama yang dibangkitkan oleh defendan pertama dan defendan ketiga adalah plaintif-plaintif tidak mempunyai locus standi untuk memfailkan tuntutan tersebut memandangkan tuntutan yang difailkan adalah bagi manfaat defendan keenam tetapi defendan keenam tidak dimasukkan sebagai plaintif dalam kes ini. Oleh yang demikian, defendan pertama dan defendan ketiga berhujah bahawa tuntutan yang dipohon oleh plaintif-plaintif adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan dan suatu penyalahgunaan proses mahkamah, dan maka, tindakan tersebut hendaklah dibatalkan in limine.

Diputuskan, membenarkan lampiran 13 dengan kos sebanyak RM7,000

diawardkan kepada defendan pertama dan defendan ketiga tertakluk kepada fi alokatur:

(1) Mahkamah bersetuju dengan defendan pertama dan defendan ketiga bahawa plaintif-plaintif tidak mempunyai locus standi untuk membawa tindakan ini terhadap defendan pertama dan defendan ketiga. Adalah jelas bahawa tuntutan plaintif-plaintif adalah mengenai defendan keenam yang merupakan sebuah syarikat, oleh itu, defendan keenam ialah plaintif yang sewajarnya membawa tindakan ini terhadap defendan-defendan. Plaintif-plaintif tidak boleh mengenepikan peruntukan dan tatacara dalam Akta Syarikat 2016 berkenaan dengan membawa tindakan atas dan demi kepentingan defendan keenam di mana kebenaran mahkamah hendaklah diperoleh terlebih dahulu. Mahkamah ini hendaklah memastikan prinsip asas dalam undang-undang syarikat dipatuhi. Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah berpuas hati bahawa plaintif-plaintif tidak mempunyai 'reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable' (lihat perenggan 20, 33–34 & 42–43).

[English summary

The plaintiffs and the third defendant in the present case were the directors and shareholders of the sixth defendant, a company that involved in tin mining activities. The third defendant was also a director and shareholder in the first defendant that had the same address as the sixth defendant. The plaintiffs had filed a claim against the defendants for the benefit of the sixth defendant and were seeking, inter alia, that the third defendant return the amount that the third defendant had taken from the sixth defendant and a declaration that the mining agreement entered into by the third defendant through the first defendant was null and void because the agreement was detrimental to the sixth defendant. In response to the claim of the plaintiffs, the first defendant and the third defendant filed an application under O 18 r 19(1)(a) and/or (b) and/or (d) as well as O 92 r 4 of the Rules of Court 2012 to struck out the plaintiffs' amended writ of summons and statement of claim ('encl 13'). The main ground raised by the first defendant and the third defendant was that the plaintiffs did not have locus standi to file the claim considering that the claim was for the benefit of the sixth defendant, but the sixth defendant was not included as a plaintiff in the present case. Therefore, the first defendant and the third defendant argued that the plaintiffs' claim was scandalous, frivolous and vexatious and an abuse of the court process, and therefore, the claim ought to be struck out in limine.

Held, allowing encl 13 with costs of RM7,000 to the first defendant and the third defendant subject to the allocator's fees:

(1) The court agreed with the first and third defendants that the plaintiffs did

not have locus standi to bring this action against the first and third defendants. It was clear that the plaintiffs' claim was in relation to the sixth defendant, a company, therefore, the sixth defendant ought to be the plaintiff that should bring this action against the defendants. The plaintiffs could not waive the provisions and procedures in the Companies Act 2016 in relation to bringing an action against and in the interest of the sixth defendant where the permission of the court ought to be obtained first. The court must ensure that the basic principles in company law were followed. Based on the findings above, the court was satisfied that the plaintiffs did not have a 'reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defenses raised are not arguable' (see paras 20, 33–34 & 42–43).]

Kes-kes yang dirujuk

Auspicious Journey Sdn Bhd v Ebony Ritz Sdn Bhd & Ors [2021] 3 MLJ 549; [2021] 4 CLJ 721, MP (dirujuk)

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, MA (diikut)

Cekap Asia Sdn Bhd v Dato' Sri Yap Seng Yew & Ors [2022] MLJU 779; [2022] 1 LNS 765, MT (dibeza)

Norhadza bt Tan Sri Hj Ahmad Razali v Muhammad Ezanie bin Noorazman (disaman sebagai Pentadbir kepada estet Dato' Hj Noorazman bin Adnan, Arwah) & Ors [2022] MLJU 821; [2022] 1 LNS 831, MT (dibeza)

Salomon v A Salomon & Co Ltd [1897] AC 22, HL (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 2016 ss 181(a), 302, 347, 348

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19, 19(1)(a), (1)(b), (1)(d), A 92 k 4

Ranjan Chandran (Dhanaraj Sivasampu dan Nandhini Devi bersamanya) (Hakem Arabi & Assoc) bagi pihak plaintif.

Arun Kasi (Nicole Lee Hui bersamanya) (Arun Kasi & Co) bagi pihak defendan pertama dan ketiga.

Rozi Bainon PK:

PENGENALAN

[1] Permohonan oleh defendan pertama dan defendan ketiga ialah untuk membatalkan writ saman terpinda dan pernyataan tuntutan terpinda di bawah A 18 k 19(1)(a) dan/atau 19(1)(b) dan/atau 19(1)(d) serta A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk perintah berikut:

A (a) writ saman terpinda yang dimeterai pada 27 April 2022 dan pernyataan tuntutan terpinda bertarikh 25 April 2022 oleh plaintif-plaintif terhadap defendan pertama dan defendan ketiga dibatalkan;

(b) nama-nama defendan pertama dan defendan ketiga dibatalkan daripada
B intitulmen tindakan ini;

(c) kesemua prayer dalam tindakan ini yang berkenaan dengan defendan pertama dan defendan ketiga dibatalkan;

(d) kos;

C (e) relief lain atau selanjutnya yang mahkamah ini fikirkan adil dan sesuai; dan

(f) sekiranya permohonan ini ditolak, suatu perintah bahawa defendan pertama dan defendan ketiga diberikan kebenaran untuk memfailkan
D pembelaan mereka dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah di sini.

[2] Alasan permohonan pembatalan ini adalah secara ringkasnya, iaitu:

(a) plaintif-plaintif pada asasnya telah memfailkan tindakan ini untuk
E manfaat, jika ada, defendan keenam dan memohon untuk pelbagai wang dibayar kepada defendan keenam dan memohon supaya suatu perjanjian, iaitu perjanjian perlombongan yang didakwa adalah memudaratkan defendan keenam, untuk diisytiharkan terbatal dan tidak sah;

F (b) plaintif yang sepatutnya ('proper plaintiff') mempunyai locus standi untuk memfailkan tindakan ini, jika ada, bagi mendapatkan relief-relief yang dipohon oleh plaintif-plaintif ialah defendan keenam dan bukannya plaintif-plaintif;

G (c) plaintif-plaintif tidak memperoleh sebarang keizinan yang diperlukan untuk memfailkan suatu tindakan atas nama defendan keenam, mahupun apa-apa notis bertulis diberikan kepada pengarah-pengarah;

(d) defendan ketiga, sebagai pengarah defendan keenam, mempunyai
H kewajipan fidusiari kepada defendan keenam dan bukan kepada plaintif-plaintif (sama ada dalam kapasiti mereka sebagai pengarah atau pemegang saham);

(e) kerugian dan ganti rugi yang didakwa, jika ada, hanyalah ditanggung
I oleh defendan keenam dan bukannya plaintif-plaintif;

(f) persoalan kesahan perjanjian perlombongan tersebut tidak boleh ditentukan dalam tindakan ini kerana kesahan sesuatu perjanjian hanya boleh ditentukan antara pihak-pihak kepada perjanjian tersebut.

Plaintif-plaintif bukanlah pihak-pihak dalam perjanjian perlombongan tersebut. Pihak-pihak kepada perjanjian perlombongan tersebut tidak berada di hadapan mahkamah;

(g) sehubungan dengan itu, tiada kausa tindakan yang munasabah ditunjukkan dalam tuntutan plaintif-plaintif, dan maka, tindakan ini hendaklah dibatalkan in limine; dan

(h) atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, tuntutan yang dipohon oleh plaintif-plaintif juga adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan dan suatu penyalahgunaan proses mahkamah, dan maka, tindakan ini hendaklah dibatalkan in limine.

[3] Selain daripada defendan pertama dan defendan ketiga, permohonan pembatalan tuntutan juga difailkan oleh defendan kedua dan defendan keempat. Defendan pertama dan defendan ketiga diwakili oleh peguam cara yang berbeza.

[4] Pada 18 Ogos 2022, saya telah membenarkan permohonan pembatalan tuntutan oleh defendan pertama dan defendan ketiga (lampiran 13) dan juga membenarkan permohonan pembatalan tuntutan oleh defendan kedua dan defendan keempat (lampiran 16). Plaintif-plaintif memfailkan rayuan terhadap kedua-dua keputusan mahkamah ini. Alasan penghakiman bagi lampiran 16 telah disediakan dan dimuatnaik secara berasingan.

[5] Penghakiman ini mengandungi alasan mengapa saya membenarkan permohonan pembatalan tuntutan oleh defendan pertama dan defendan ketiga (lampiran 13).

PIHAK-PIHAK

[6] Plaintif-plaintif ialah individu.

[7] Defendan pertama, defendan kedua dan defendan keenam ialah syarikat sendirian berhad dan yang diperbadankan di Malaysia.

[8] Defendan ketiga dan defendan keempat ialah individu. Defendan keempat ialah anak kepada defendan ketiga.

[9] Defendan kelima ialah peguam bela dan peguam cara.

[10] Hubungan antara pihak-pihak adalah:

Versi fakta plaintif-plaintif (sebagaimana dalam pernyataan tuntutan):

(a) mengenai defendan keenam:

(i) defendan keenam ditubuhkan pada 14 September 1992 di bawah nama asalnya 'Simple Enterprise Sdn Bhd' dan pada 18 Mei 1996 ditukar kepada nama KL Larut Sdn Bhd;

(ii) pengarah-pengarah syarikat defendan keenam ialah plaintif-plaintif dan defendan ketiga;

(iii) pegangan saham dalam defendan keenam ialah plaintif pertama sebanyak 14%, plaintif kedua sebanyak 13%, plaintif ketiga sebanyak 13% dan defendan ketiga sebanyak 60%;

(iv) defendan keenam berjaya dalam permohonannya bagi perlombongan di dua kawasan iaitu di Mukim Ulu Tinggi dan Mukim Batang Berjuntai @ Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor; dan

(v) defendan keenam ialah pemegang pajakan perlombongan.

(b) mengenai defendan pertama:

(i) pengarah-pengarah syarikat defendan pertama ialah defendan ketiga dan defendan keempat;

(ii) defendan ketiga ialah salah seorang pemegang saham dalam defendan pertama;

(iii) alamat berdaftar defendan pertama adalah sama dengan alamat berdaftar defendan keenam;

(iv) setiausaha syarikat bagi defendan pertama dan defendan keenam ialah orang yang sama iaitu Hasni bt Hassan;

(v) plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan ketiga secara fraud dan/atau sengaja menyembunyikan penubuhan defendan pertama daripada plaintif-plaintif;

(vi) plaintif-plaintif telah mengenal pasti juruaudit bagi defendan pertama; dan

(vii) plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan ketiga, defendan keempat dan juruaudit gagal untuk memfailkan Laporan Tahunan defendan pertama bagi tahun 2020 dan 2021. Plaintif-plaintif memerlukan Laporan Tahunan tersebut dikemukakan oleh defendan ketiga dan defendan keempat kepada plaintif-plaintif bagi pemeriksaan.

(c) mengenai defendan kedua:

(i) *list* plaintif-plaintif memplidkan bahawa baru-baru ini mereka mendapat pengetahuan mengenai pendaftaran dan pemerbadanan

defendan kedua oleh defendan ketiga. Nama defendan kedua (KL Larut Holdings Sdn Bhd) serupa dengan defendan keenam (KL Larut Sdn Bhd). Dan defendan kedua menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah;

(ii) plaintif-plaintif mendapati pengarah syarikat defendan kedua itu ialah defendan ketiga dan defendan keempat. Defendan ketiga ialah pemegang saham tunggal dalam defendan kedua (syarikat);

(iii) plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan kedua ditubuhkan dengan niat sengaja untuk mengelirukan dan/atau memperdaya komuniti perniagaan bahawa defendan keenam dan defendan kedua itu adalah syarikat yang sama;

(iv) plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan ketiga dan defendan keempat telah dengan secara sedar dan/atau sengaja menyembunyikan penubuhan dan pendaftaran defendan kedua daripada pengetahuan plaintif-plaintif dengan niat segaja untuk memperdayakan dan menipu plaintif-plaintif terhadap perniagaan perlombongan yang diperoleh dan pendapatan yang diperoleh daripadanya; dan

(v) plaintif-plaintif menghuraikan butir-butir kemungkiran defendan ketiga dan defendan keempat berkenaan dengan penubuhan/pendaftaran defendan kedua.

(d) mengenai perjanjian perlombongan:

(i) plaintif-plaintif memplidkan bahawa mereka mendapat pengetahuan yang defendan ketiga melalui defendan pertama telah memasuki suatu perjanjian perlombongan bertarikh 25 Februari 2021 dengan syarikat Midas Dragon Sdn Bhd (No Syarikat: 592624-V) (selepas ini disebut 'perjanjian perlombongan');

(ii) setelah mendapat salinan perjanjian perlombongan tersebut, plaintif-plaintif membuat laporan polis pada 2 April 2022;

(iii) perjanjian perlombongan ditandatangani oleh defendan ketiga dan tandatangan defendan ketiga disahkan oleh defendan kelima;

(iv) dalam recital III perjanjian perlombongan, defendan keenam telah melantik defendan pertama sebagai kontraktor bagi operasi perlombongan bijih timah dan cucian pasir;

(v) plaintif-plaintif memplidkan bahawa mereka tiada pengetahuan mengenai perlantikan defendan pertama sebagai kontraktor;

(vi) plaintif-plaintif menghendaki defendan ketiga membuktikan bahawa plaintif-plaintif dan defendan keenam memberi kuasa

kepada defendan ketiga untuk menandatangani perjanjian perlombongan;

(vii) plaintif-plaintif memplidkan bahawa recital III perjanjian perlombongan adalah suatu salah nyataan oleh defendan ketiga dan defendan keempat;

(viii) plaintif-plaintif memplidkan bahawa recital III perjanjian perlombongan adalah suatu salah nyataan yang disengajakan dan bertujuan untuk mengalihkan perniagaan operasi perlombongan daripada plaintif pertama kepada defendan pertama. Defendan ketiga ada pengetahuan mengenai perniagaan operasi perlombongan defendan keenam;

(ix) plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan ketiga melaksanakan perjanjian perlombongan dengan tujuan untuk menipu plaintif-plaintif dan untuk mengalihkan perniagaan perlombongan daripada defendan keenam kepada defendan pertama; dan

(x) perjanjian perlombongan tersebut mengakibatkan plaintif-plaintif mengalami kehilangan dan kerugian.

(e) mengenai fraud:

(i) *list* plaintif-plaintif menghuraikan butir-butir fraud oleh defendan ketiga dan defendan keempat.

(f) mengenai kecuaian D5:

(i) plaintif-plaintif menghuraikan butir-butir kecuaian oleh defendan kelima.

(g) mengenai amaun sebanyak RM2,828,208.80 yang dituntut terhadap defendan ketiga:

(i) plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan ketiga dalam mentadbir dan mengoperasi defendan keenam telah bertindak secara fraud dan/atau memperdaya dengan mengambil jumlah sebanyak *RM2,828,208.80* yang dibayar oleh defendan keenam terus ke akaun defendan ketiga;

(ii) plaintif-plaintif memplidkan bahawa defendan ketiga mengakui mengenai perbuatan salah dan tipu ini yang dibuat dengan niat sengaja untuk memintas plaintif-plaintif dan defendan keenam;

(iii) pengakuan defendan ketiga ini adalah mengukuhkan bukti bahawa defendan ketiga tidak bertanggungjawab dan tidak telus terhadap plaintif-plaintif selaku pengarah dan pemegang saham defendan keenam;

(iv) defendan ketiga telah secara terang menghalang plaintif-plaintif daripada mengetahui mengenai operasi, hal ehwal dan pengurusan defendan keenam;

(v) plaintif-plaintif enggan untuk menandatangani akaun beraudit defendan keenam bagi tahun 2019 kerana terdapat percanggahan yang ketara dalam akaun tersebut di mana jumlah sebanyak *RM2,828,208.80* dikeluarkan dan digunakan oleh defendan ketiga; dan

(vi) plaintif-plaintif menuntut defendan ketiga membayar balik jumlah sebanyak *RM2,828,208.80* kepada defendan keenam.

(h) mengenai amaun sebanyak RM7,005,638.20 yang dituntut terhadap defendan ketiga:

(i) plaintif-plaintif mengetahui dan bersetuju bahawa jumlah sebanyak *RM7,005,638.20* didahulukan kepada defendan ketiga oleh defendan keenam bagi tempoh 2016 hingga 2019. Jumlah yang didahulukan ini perlu dikembalikan oleh defendan ketiga kepada defendan keenam.

TUNTUTAN

[11] Dalam writ saman terpinda dan pernyataan tuntutan terpinda, plaintif-plaintif menuntut terhadap defendan-defendan:

(a) deklarasi bahawa perjanjian perlombongan yang dimasuki oleh defendan pertama bertarikh 25 Februari 2021 diisytiharkan sebagai tidak sah dan terbatal;

(b) deklarasi bahawa defendan kelima telah cuai dalam mengesahkan perjanjian perlombongan yang dimasuki oleh defendan pertama apabila gagal untuk bertindak dengan cara amalan piawai kebiasaan seorang peguam cara;

(c) injunksi untuk menghalang defendan pertama, defendan ketiga dan defendan keempat, pekerjanya, ejennya, wakilnya atau sebaliknya daripada meneruskan dengan perjanjian perlombongan yang dimasuki oleh defendan pertama bertarikh 25 Februari 2021 sehingga pelupusan guaman ini;

(d) perintah injunksi untuk menghalang defendan ketiga dan defendan keempat, pekerjanya, ejennya, wakilnya atau sebaliknya daripada menggunakan defendan kedua untuk sebarang urusniaga perlombongan atau sebaliknya sehingga pelupusan guaman ini;

(e) perintah untuk mengarahkan defendan ketiga untuk membayar semula jumlah RM2,828,208.80 kepada defendan keenam yang diambil secara

A fraud/penipuan sebagai pendahuluan daripada defendan keenam dalam tempoh satu bulan dari tarikh penghakiman ini;

(f) perintah untuk mengarahkan defendan ketiga untuk membayar semula jumlah RM7,005,638.20 yang diambil sebagai pendahuluan daripada defendan keenam dengan pengetahuan plaintif-plaintif dalam tempoh satu bulan dari tarikh penghakiman ini;

(g) perintah untuk mengarahkan defendan ketiga dan defendan keempat untuk mengemukakan akaun beraudit dan/atau akaun pengurusan dan/atau lejar untung dan rugi (PNL) dan/atau lejar dan/atau penerimaan ('receivables') D1 bagi tempoh 2018 sehingga 2021 untuk diperiksa oleh plaintif-plaintif;

(h) semua wang seperti yang dinyatakan pada akaun defendan pertama diarahkan untuk dibayar oleh defendan ketiga dan defendan keempat kepada defendan keenam dalam tempoh satu bulan dari tarikh penghakiman ini;

(i) perintah untuk mengarahkan defendan ketiga dan defendan keempat untuk mengemukakan akaun beraudit dan/atau akaun pengurusan dan/atau lejar untung dan rugi (PNL) dan/atau lejar dan/atau penerimaan ('receivables') defendan kedua bagi tempoh 2018 sehingga 2021 untuk diperiksa oleh plaintif-plaintif;

(j) semua wang seperti yang dinyatakan pada akaun defendan kedua diarahkan untuk dibayar oleh defendan ketiga dan defendan keempat kepada defendan keenam dalam tempoh satu bulan dari tarikh penghakiman ini;

(k) ganti rugi terhadap defendan ketiga dan defendan keempat untuk ditaksirkan oleh mahkamah ini dan dibayar kepada plaintif-plaintif;

(l) relief lain yang dianggap suai dan manfaat oleh mahkamah ini; dan

(m) kos.

KEPUTUSAN MAHKAMAH MENGENAI LAMPIRAN 13 PADA 18 OGOS 2022

[12] Mahkamah ini telah meneliti writ saman terpinda, pernyataan tuntutan terpinda, notis permohonan interlokutori lampiran 13, afidavit berserta dokumen dan hujahan bertulis.

[13] Mahkamah ini mendapati paksi utama yang jelas mengenai tuntutan plaintif-plaintif adalah berkaitan dengan defendan keenam. Tindakan defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga, defendan keempat dan

defendan kelima telah mengakibatkan defendan keenam mengalami kerugian dan kehilangan. Selanjutnya, mahkamah ini hendaklah memberikan remedi kepada plaintif-plaintif.

[14] Defendan keenam itu ialah sebuah syarikat yang mempunyai entiti undang-undang berasingan daripada pengarah dan pemegang sahamnya. Tatacara perundangan mengenai tindakan terhadap syarikat baik oleh pemegang saham minoriti mahupun pemegang saham majoriti dan juga terhadap pengarah syarikat bukan sahaja diperuntukkan melalui mode di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Akta Syarikat 2016 (Akta 777) adalah statut utama yang memperkatakan mengenai tatacara tindakan terhadap dan dibawa terhadap syarikat. Kebenaran mahkamah hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

[15] Permohonan yang difailkan oleh defendan pertama dan defendan ketiga terhadap keseluruhan tindakan plaintif adalah teratur. Defendan pertama dan defendan ketiga layak dan telah menepati *requirements* bagi pembatalan tindakan.

[16] Oleh yang demikian, mahkamah ini memutuskan lampiran 13 dibenarkan dan kos sebanyak RM7,000 (tertakluk kepada fi alokatur) diawardkan kepada defendan pertama dan defendan ketiga.

UNDANG-UNDANG MENGENAI PEMBATALAN PLIDING

[17] Bagi isu sama ada tuntutan plaintif-plaintif mempunyai kausa tindakan yang tidak munasabah, adalah tidak berasas, ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan atau suatu penyalahgunaan proses mahkamah, A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan:

> 19 Striking out pleadings and endorsements (O 18, r 19)
>
> (1) The Court may at any stage of the proceedings order to be struck out or amended any pleading or the endorsement, of any writ in the action, or anything in any pleading or in the endorsement, on the ground that —
>
> (a) it discloses no reasonable cause of action or defence, as the case may be;
>
> (b) it is scandalous, frivolous or vexatious;
>
> (c) it may prejudice, embarrass or delay the fair trial of the action; or
>
> (d) it is otherwise an abuse of the process of the Court,
>
> and may order the action to be stayed or dismissed or judgment to be entered accordingly, as the case may be.

[18] Prinsip bagi sesuatu *striking out application* termaktub dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation*

Bhd [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7:

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) of the RHC are well settled. It is *only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process* under this rule (per Lindley MR in *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd* 7, and this summary procedure can only be adopted when *it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviousl y unsustainable'* (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NW Rly Co* 8). *It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case*, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v Moloney & Ors* 9). The authorities further show that if there is a point of law which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O 33 r 3 (which is in pari materia with our O 33 r 2 of the RHC) (see *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd 7). The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable*.

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[19] Saya telah meneliti pliding, keterangan melalui afidavit dan dokumen serta memahami hujahan bertulis pihak-pihak.

[20] Apabila mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan permohonan pembatalan tuntutan oleh defendan pertama dan defendan ketiga, mahkamah ini berpuas hati bahawa plaintif-plaintif tiada *reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable*. Empat elemen/prinsip sebagaimana yang digariskan terdapat dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd* mengakibatkan mahkamah ini memutuskan untuk membenarkan permohonan pembatalan tuntutan oleh defendan pertama dan defendan ketiga.

[21] Berdasarkan afidavit yang difailkan oleh plaintif-plaintif iaitu yang diikrarkan oleh plaintif pertama untuk membantah lampiran 13, sama seperti kandungan afidavit plaintif-plaintif dalam lampiran 16 itu, plaintif-plaintif menyatakan seperti yang berikut:

(a) atas nasihat peguam plaintif-plaintif terpelajar, plaintif-plaintif percaya bahawa lampiran 13 yang difailkan oleh defendan pertama dan defendan ketiga adalah tidak berasas dan patut ditolak dengan kos secara limine;

(b) lampiran 13 yang difailkan oleh defendan pertama dan defendan ketiga ini dibuat sebelum defendan pertama dan defendan ketiga memfailkan pembelaan mereka maka plaintif-plaintif menyatakan bahawa lampiran 13 ini adalah bertujuan mala fide dan untuk menyekat tuntutan plaintif-plaintif diputuskan oleh mahkamah;

(c) sebagai pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham dalam defendan keenam, plaintif-plaintif mempunyai hak tersendiri untuk mengambil tindakan ini;

(d) adalah mustahil untuk menamakan defendan keenam sebagai salah satu plaintif. Ini kerana plaintif-plaintif hanya memegang saham dalam defendan keenam sebanyak 40% manakala pemegangan saham defendan ketiga dalam defendan keenam ialah 60%;

(e) plaintif pertama mendapat mandat dan kuasa daripada plaintif-plaintif lain untuk memgikrarkan apa-apa afidavit. Defendan ketiga sudah pasti tidak bersetuju untuk defendan keenam dinamakan sebagai plaintif; dan

(f) plaintif-plaintif menyatakan bahawa fakta kes ini adalah rumit dan terdapat banyak isu untuk dibicarakan. Aduan dan rungutan plaintif-plaintif adalah ditujukan khas kepada defendan ketiga yang merupakan pengarah dan pemegang saham dalam defendan keenam bersama-sama dengan plaintif-plaintif.

[22] Dalam afidavit jawapan plaintif-plaintif, plaintif-plaintif menyatakan bahawa berdasarkan latar belakang fakta yang dinyatakan plaintif-plaintif dan laporan polis telah dibuat oleh plaintif-plaintif serta siasatan sedang dijalankan maka tuntutan ini bukanlah *obviously unsustainable in law*.

[23] Plaintif-plaintif membawa perhatian mahkamah ini kepada pendakwaan jenayah terhadap defendan ketiga dan plaintif-plaintif mendapat makluman daripada pihak polis bahawa mahkamah telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama enam bulan dan denda sebanyak RM8,000 ke atas defendan ketiga. Defendan ketiga merayu terhadap keputusan ini ke Mahkamah Tinggi.

[24] Atas nasihat peguam plaintif-plaintif terpelajar, plaintif-plaintif percaya bahawa lampiran 13 ini dibuat sekadar penafian kosong dan tiada penjelasan munasabah diberikan oleh defendan pertama dan defendan ketiga. Isu dalam kes ini perlu dibentangkan dalam suatu perbicaraan penuh dan bukannya dilupuskan secara interlokutori.

[25] Apa yang pasti di sini ialah pertikaian utama yang dinyatakan oleh plaintif-plaintif dalam tindakan undang-undang ini ialah berkenaan dengan defendan keenam.

[26] Mahkamah ini mendapati perhubungan plaintif-plaintif dengan defendan keenam (iaitu sebuah syarikat bernama KL Larut Sdn Bhd) ialah:

A (a) plaintif-plaintif adalah pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham di defendan keenam. Defendan ketiga juga pengarah di defendan keenam;

(b) jumlah pegangan saham dalam defendan keenam ialah plaintif-plaintif sebanyak 40 % dan defendan ketiga sebanyak 60%; dan

B

(c) ini bererti plaintif-plaintif adalah pemegang saham minoriti dalam defendan keenam.

C **[27]** Alasan plaintif-plaintif untuk tidak menamakan defendan keenam sebagai salah satu plaintif dalam tindakan ini kerana defendan ketiga sudah pasti membantah adalah semata-mata andaian plaintif-plaintif.

D **[28]** Plaintif-plaintif banyak memakai nasihat dan mendengar nasihat daripada peguamnya maka mahkamah ini pasti peguam plaintif-plaintif terpelajar wajar dan bijaksana untuk menasihatkan plaintif-plaintif bahawa hak plaintif-plaintif akan berada dalam keadaan kukuh sekiranya, tindakan undang-undang diambil menurut landasan Akta Syarikat 2016 (Akta 777) terlebih dahulu.

E

[29] Peruntukan Akta 777 yang dirujuk adalah:

ACT 777

Companies Act 2016

F PART III — MANAGEMENT OF COMPANY

Chapter III — General Provisions relating to Auditors

Section 346. Remedy in cases of an oppression

(1) Any member or debenture holder of a company may apply to the Court for an order under this section on the ground — G

(a) that the affairs of the company are being conducted or the powers of the directors are being exercised in a manner oppressive to one or more of the members or debenture holders including himself or in disregard of his or their interests as members, shareholders or debenture holders of the company; or H

(b) that some act of the company has been done or is threatened or that some resolution of the members, debenture holders or any class of them has been passed or is proposed which unfairly discriminates against or is otherwise prejudicial to one or more of the members or debenture holders, including himself. I

(2) If on such application the Court is of the opinion that either of those grounds is established, the Court may make such order as the Court thinks

fit with the view to bringing to an end or remedying the matters complained of, and without prejudice to the generality of subsection (1), the order may—

(a) direct or prohibit any act or cancel or vary any transaction or resolution;

(b) regulate the conduct of the affairs of the company in the future;

(c) provide for the purchase of the shares or debentures of the company by other members or debenture holders of the company or by the company itself;

(d) in the case of a purchase of shares by the company, provide for a reduction accordingly of capital of the company; or

(e) provide that the company be wound up.

[30] Mahkamah ini merujuk dan memetik prinsip undang-undang yang dinyatakan dalam kes *Auspicious Journey Sdn Bhd v Ebony Ritz Sdn Bhd & Ors* [2021] 3 MLJ 549; [2021] 4 CLJ 721, di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan (oleh Nallini Pathmanathan HMP menyampaikan penghakiman mahkamah):

(1) Dua prinsip undang-undang syarikat berkaitan kawalan majoriti dan personaliti undang-undang berasingan, ditambah dengan tidak campur tangan kehakiman, mengakibatkan pemegang-pemegang saham minoriti mempunyai hanya sedikit bantuan terhadap tindakan-tindakan majoriti yang menindas atau memudaratkan minoriti dalam kapasiti mereka sebagai pemegang-pemegang saham. Seksyen 181 Akta 1965 digubal untuk memberi perlindungan pada minoriti apabila peraturan majoriti disalah guna.

(2) Bahagian (a) s 181 membayangkan tindakan menindas dibuktikan apabila 'hal-ehwal syarikat dikendalikan' atau apabila 'kuasa pengarah adalah dijalankan dengan cara yang menindas ...'. Apabila bahagian (a), yang secara langsung mengenal pasti pelaksanaan kuasa-kuasa pengarah sebagai asas pembuktian penindasan, dibaca bersama-sama dengan s 181(2) yang memberi mahkamah kuasa luas untuk menamatkan tindakan sedemikian, atau untuk meremedi kilanan minoriti, diikuti bahawa tiada larangan terhadap mahkamah memberi remedi yang termasuk pengarah-pengarah syarikat secara peribadi. Sebaliknya, pentafsiran s 181(1)(a) dan (2) mendedahkan bahawa niat Perundangan adalah untuk memberikan mahkamah kebebasan untuk memberi remedi yang dianggap sesuai, yang termasuk liabiliti yang diturunkan atas pengarah secara langsung dalam keadaan apabila pengarah melaksanakan kuasa-kuasanya untuk: (i) menindas pemegang saham minoriti; atau (ii) tidak mengendahkan kepentingan mereka sebagai ahli-ahli. Selanjutnya, membaca bahagian (a), s 181 rujukan dibuat secara langsung pada 'pengendalian hal-ehwal syarikat', satu perkara yang terangkum dalam tanggungjawab dan kuasa pentadbiran pengarah-pengarah.

...

(4) Sementara syarikat adalah entiti undang-undang berasingan, ini termasuk dua organ, iaitu, masing-masingnya, lembaga pengarah dan ahli-ahli/pemegang saham.

Seksyen 181 oleh itu menumpukan tindakan syarikat terhadap kedua-dua peringkat pengarah dan pemegang saham. Seksyen 181 ditafsir secara harfiah. Peruntukan tersebut perlu diberi pentafsiran kehakiman yang dianggap sesuai seperti yang digubal Parlimen, iaitu, satu remedi yang luas dan lebar yang termasuk, bukan hanya majoriti atau syarikat tersebut, malah juga, pengarah-pengarah dan pihak ketiga apabila perlu, dengan niat untuk menamatkan atau meremedi tindakan menindas atau memprejudis. Oleh itu, ini adalah peruntukan meremedi untuk menyelesaikan masalah ketidakcukupan perlindungan common law terhadap kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti.

(5) Tiada apa-apa dalam s 181 Akta 1965 yang khususnya menyatakan hanya ahli-ahli syarikat, pengarah-pengarahnya, atau sesiapa yang mempunyai kawalan syarikat boleh dijadikan responden. Kesemua yang dikatakan penindas adalah pihak yang wajar, termasuk pihak ketiga yang mengambil bahagian dalam transaksi yang membentuk substratum aduan dan pihak-pihak yang terjejas oleh relief yang dipohon. Terbuka buat mahkamah mengenakan liabiliti terhadap pengarah-pengarah atau pihak ketiga asalkan terdapat kaitan rapat antara penindas atau tindakan diskriminasi tidak adil, atau tidak mengendahkan kepentingan minoriti atau sebaliknya tindakan memprejudis dan pihak tersebut. Ini memerlukan sesuatu yang lebih daripada hanya fakta bahawa mereka sebagai pengarah-pengarah yang mengendalikan hal-ehwal syarikat pada masa material. Ini memerlukan penglibatan langsung dengan transaksi yang dipersoalkan, atau kaitan rapat yang mencukupi atau kaitan untuk mewajarkan pengenaan liabiliti terhadap pengarah-pengarah atau pihak ketiga.

(6) Ujian undang-undang yang terpakai adalah: (i) perlu ada keterangan tentang kaitan langsung atau penglibatan dalam, atau kaitan rapat yang mencukupi dengan, tindakan menindas atau memudaratkan atau memprejudis yang diadukan oleh minoriti, untuk mewajarkan penyebaban liabiliti terhadap pengarah atau pihak ketiga; (ii) pengenaan liabiliti sepatutnya adil atau saksama dalam semua hal keadaan sesuatu kes; (iii) apabila menilai sama ada pengenaan liabiliti sedemikian adalah adil atau saksama, mahkamah sepatutnya berpuas hati bahawa remedi tersebut menyebabkan keadilan pada pihak-pihak yang terkesan secara keseluruhannya; (iv) penyebaban atau pengenaan liabiliti perlu dengan berhati-hati, tidak melampaui apa yang sepatutnya untuk meremedi pelanggaran yang diadukan atau menghentikan tindakan menindas atau prejudis; (v) pengenaan liabiliti yang sedemikian sepatutnya munasabah, dan bertindak mengurangkan kebimbangan sah pemegang-pemegang saham syarikat yang dipersoalkan; dan (vi) apabila melaksanakan kuasa bawah s 181 Akta 1965, mahkamah wajar mempertimbangkan prinsip undang-undang am syarikat, bahawa liabiliti pengarah tidak digantikan dengan relief statutori yang lain atau bawah common law. Kesimpulannya, soalan untuk mahkamah adalah sama ada dalam konteks s 181 Akta 1965, defendan terkait secara rapat dengan tindakan penindasan, kemudaratan atau prejudis dan adalah adil dan saksama untuk mengenakan liabiliti terhadapnya untuk tindakan sedemikian.

[31] Dalam kes ini, plaintif-plaintif terkilan dengan tindakan defendan-defendan berkenaan dengan tindakan defendan pertama hingga defendan keempat yang memprejudiskan defendan keenam. Namun begitu,

Akta 777 amat nyata peruntukannya mengenai golongan minoriti dalam syarikat untuk mengadu dan mengambil tindakan ini.

[32] Defendan ketiga yang mengikrarkan afidavit untuk menyokong permohonan sebagaimana dalam lampiran 13, menyatakan bahawa berdasarkan 'prayers' yang dituntut, plaintif-plaintif dengan jelas diprejudiskan kerana tindakan defendan Ketiga telah memudaratkan defendan keenam. Ini secara langsung memberi kesan kepada plaintif-plaintif.

[33] Atas nasihat peguam defendan pertama dan defendan ketiga, defendan ketiga menyatakan bahawa plaintif-plaintif tidak mempunyai locus standi untuk membawa tuntutan ini terhadap defendan pertama dan defendan ketiga. Mahkamah ini bersetuju. Apabila plaintif-plaintif memohon relief sebagaimana yang disenaraikan adalah jelas bahawa tuntutan tersebut mengenai defendan keenam (sebuah syarikat). Keputusan mahkamah ini membenarkan permohonan pembatalan ini bukanlah atas sebab plaintif-plaintif itu pemegang saham minoriti. Defendan keenam ialah plaintif yang sewajarnya membawa tindakan ini terhadap defendan-defendan.

[34] Plaintif-plaintif tidak boleh mengenepikan peruntukan dan tatacara dalam Akta 777 berkenaan dengan membawa tindakan atas dan demi kepentingan defendan keenam. Kebenaran mahkamah hendaklah diperoleh terlebih dahulu. Ini jelas dalam keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa 'Perundangan adalah untuk memberikan mahkamah kebebasan untuk memberi remedi yang dianggap sesuai, yang termasuk liabiliti yang diturunkan atas pengarah secara langsung dalam keadaan apabila pengarah melaksanakan kuasa-kuasanya untuk: (i) menindas pemegang saham minoriti; atau (ii) tidak mengendahkan kepentingan mereka sebagai ahli-ahli. Selanjutnya, membaca bahagian (a), s 181 rujukan dibuat secara langsung pada 'pengendalian hal-ehwal syarikat', satu perkara yang terangkum dalam tanggungjawab dan kuasa pentadbiran pengarah-pengarah'.

[35] Keputusan mahkamah ini bagi permohonan interlokutori yang difailkan oleh defendan pertama dan defendan ketiga bukan memperlekehkan dan menafikan hak plaintif-plaintif sama ada sebagai pengarah syarikat mahupun sebagai pemegang saham minoriti syarikat. Plaintif-plaintif hendaklah memastikan permohonan pemulangan wang dll itu mengikut tatacara perundangan yang betul dan sah.

[36] Mahkamah ini mendapati bahawa peguam plaintif-plaintif terpelajar telah memetik dua kes yang diputuskan oleh saya, di mana permohonan pembatalan tuntutan oleh defendan/defendan-defendan telah saya tolak atas alasan *in the interest of justice and fairness*. Dua kes tersebut adalah:

(a) *Cekap Asia Sdn Bhd v Dato' Sri Yap Seng Yew & Ors* [2022] MLJU 779; [2022] 1 LNS 765. Peguam plaintif-plaintif terpelajar memetik alasan penghakiman saya dalam perenggan yang berikut:

> [20] This court is satisfied upon a balance of probabilities that the D3 is not qualified to strike out the plaintiff's action.
>
> [21] This court had given the instruction on the pre-trial case management and set the full trial dates. Let the parties argue on all the issues raised. The interlocutory application is not the way to let the D3 win its case nor the plaintiff. The best evidence produced before this court in the full trial will resolve the claims.

(b) *Norhadza bt Tan Sri Hj Ahmad Razali v Muhammad Ezanie bin Noorazman (disaman sebagai Pentadbir kepada estet Dato' Hj Noorazman bin Adnan, Arwah) & Ors* [2022] MLJU 821; [2022] 1 LNS 831. Peguam plaintif-plaintif terpelajar memetik alasan penghakiman saya dalam perenggan yang berikut:

> [21] In this regard, this court finds that the second defendant who asserts must prove such allegations that the plaintiff had defamed her. In order for this court to dispose and hear which versions are indeed true, let the plaintiff and the second defendant tell the truth via the full trial. Are the wordings defamatory or not, the onus is on the second defendant.
>
> [23] This court is satisfied upon a balance of probabilities that the plaintiff is not qualified to strike out the second defendant's counterclaim.

[37] Berpandukan kepada alasan saya dalam dua kes yang dipetik oleh peguam plaintif-plaintif terpelajar menghujahkan:

> The above two cases sufficiently demonstrate the importance of litigant(s) being given their day in court to prove their case at a full trial of the matter and not to be decided summarily.

[38] Saya menghargai usaha peguam plaintif-plaintif terpelajar untuk 'mengguna pakai' dan 'memetik' alasan penghakiman saya dalam dua kes tersebut. Namun, sekadar 'mengguna pakai' dan 'memetik' perenggan tertentu dalam alasan penghakiman saya adalah sesuatu yang amat tidak wajar. Dua kes tersebut amat berbeza dengan kes ini. Dalam dua kes tersebut tidak dipertikaikan mengenai isu 'mode', isu 'kebenaran mahkamah', isu 'locus standi' dan isu 'derivative action under Act 777. Prinsip undang-undang yang saya guna pakai bukan terpakai dalam kes ini.

[39] Berkenaan dengan hujahan peguam plaintif-plaintif terpelajar bagi lampiran 16 dan juga lampiran 13 yang menyatakan:

> Reply to Striking Out Application of the 2nd and 4th defendant

14. My Lady, the 2nd and 4th defendants have completely failed to address in the submission on the issue of the Formation of the 2nd defendant, KL Larut Holdings Sdn Bhd which carries a similar name to the 6th defendant KL Larut Sdn Bhd.

15. As submitted in the plaintiffs Main Submission, despite the serious allegation of deliberate concealment with intent to deceive and cheat the plaintiffs as raised, there has been no response in the affidavits in reply aside from the baseless contention that the 2nd defendant company does not share similar business as the 6th defendant.

The claim by the plaintiffs is not a Derivative Action. It is a claim of the plaintiffs for loss and damages occasioned to them by the actions of the 3rd defendant controlling the 6th defendant and in which company the plaintiffs are shareholders albeit minority.

19. The plaintiffs in the Main Submission have in item G referred to the exception to the Separate and Distinct Principle by reference to the Federal Court case of *Ong Leong Chiou & Anor v Keller (M) Sdn Bhd & Ors* (plaintiffs Bundle of Authorities Tab: E), where the corporate personality was disregarded where the company was used as a means of evading and by reason of fraud.

20. The plaintiffs will refer to the High Court Judgment in *Keller (M) Sdn Bhd v Ong Leong Chiou & 3 Ors* [2017] MLJU 1313; [2017] 1 LNS 1302 (plaintiffs Supplemental Bundle of Authorities Tab:3) the Judgment of Justice Lee Swee Seng (as he then was now Court of Appeal Judge) where he expressed the following sentiments:

> [3] Like all allegations of fraud, both actual and equitable and even the use of devices and entities to evade one's contractual obligations, this Court would have to probe deeper beneath the surface. Is there something more sinister beneath the smooth veneer of separate legal entities and the privilege of arranging one's business and managing risk such that any financial exposure cannot be limited to the contracting entity but be extended to other related entities in the web of deceit dressed up to deflect any suspicion of something amiss?

[40] Mahkamah ini telah meneliti afidavit balasan dan hujahan defendan pertama dan defendan ketiga dan saya mendapati bahawa isu yang dibangkitkan oleh plaintif-plaintif bukanlah sengaja dielakkan mahupun enggan dijawab oleh defendan pertama dan defendan ketiga. Tetapi faktor utama ialah plaintif-plaintif perlu dan hendaklah mematuhi lunas undang-undang apabila membawa tindakan bagi defendan keenam terhadap defendan pertama dan defendan ketiga. Apabila lunas undang-undang ini dipatuhi, saya pasti semua isu yang dibangkitkan oleh plaintif-plaintif ini akan dijawab oleh defendan pertama dan defendan ketiga.

[41] Perkara yang dibangkitkan oleh peguam plaintif-plaintif terpelajar berjaya dijelaskan dan dijawab oleh peguam defendan pertama dan defendan ketiga terpelajar yang merujuk kepada peruntukan Akta 777 iaitu s 302 (*Members' power to require circulation of written resolution*), 347 dan 348 (locus standi) serta *Salomon v Salomon* principle/*Salomon v A Salomon & Co Ltd* [1897] AC 22.

[42] Peguam defendan pertama dan defendan ketiga terpelajar menghujahkan bahawa 'The plaintiffs claims that there are triable issues in this case ie, fraud, forgery and etc. But the substantive issues can only be tried if the suit is between the proper parties'. Mahkamah ini bersetuju bahawa pertikaian yang dihadapi oleh pihak-pihak telah dibawa ke hadapan mahkamah. Namun, mahkamah ini hendaklah memastikan prinsip asas dalam company law dipatuhi.

KESIMPULAN

[43] Dalam hal keadaan dan alasan yang saya nyatakan di atas, keputusan mahkamah ini pada 18 Ogos 2022 adalah permohonan yang difailkan oleh defendan pertama dan defendan ketiga terhadap keseluruhan tindakan plaintif-plaintif adalah teratur. Defendan pertama dan defendan ketiga layak dan telah menepati *requirements* bagi pembatalan tindakan.

[44] Oleh yang demikian, keputusan mahkamah ini yang membatalkan keseluruhan tindakan/tuntutan plaintif-plaintif adalah keputusan yang betul. Selanjutnya pada 18 Ogos 2022, mahkamah ini memerintahkan:

(a) *lampiran 13 dibenarkan dan kos sebanyak RM7,000 (tertakluk kepada fi alokatur) diawardkan kepada defendan pertama dan defendan ketiga*;

(b) lampiran 16 dibenarkan dan kos sebanyak RM7,000 (tertakluk kepada fi alokatur) diawardkan kepada defendan kedua dan defendan keempat;

(c) lampiran 8 ditolak dan kos sebanyak RM3,000 (tertakluk kepada fi alokatur) dibayar oleh plaintif-plaintif kepada defendan pertama dan defendan ketiga serta kos sebanyak RM3,000 (tertakluk kepada fi alokatur) dibayar oleh plaintif; dan

(d) plaintif kepada defendan kedua dan defendan keempat.

[45] Keputusan mahkamah ini bagi lampiran 13 mengakibatkan tindakan utama 'collapse' dan permohonan interlokutori lain yang difailkan menjadi akademik. *Case management* yang ditetapkan pada 22 Ogos 2022, 29 Ogos 2022 dan 19 September 2022 adalah dilapangkan. Kes ditutup.

[46] Mahkamah ini juga membatalkan tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan kelima.

Lampiran 13 dibenarkan dengan kos sebanyak RM7,000 diawardkan kepada defendan pertama dan defendan ketiga tertakluk kepada fi alokatur.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar